

# PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN UNIT PERANCANG EKONOMI

JABATAN PERDANA MENTERI

**2021-2025**





# PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN UNIT PERANCANG EKONOMI

JABATAN PERDANA MENTERI


**2021-2025**

Hak Cipta Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri

Diterbitkan oleh:  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Menara Prisma  
No. 26, Persiaran Perdana Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
Laman sesawang : <https://www.epu.gov.my>

Dicetak oleh :  
Merah Print & Supply Sdn. Bhd.  
No. 20, Jalan 4/12A  
Seksyen 4 Tambahan  
43650 Bandar Baru bangi  
Selangor Darul Ehsan

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.





# Isi Kandungan

PRAKATA	3
PERUTUSAN KETUA PENGARAH	4
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL	6
KATA ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT	8

BAB 1: PENGENALAN	11
BAB 2: PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN EPU	19
2.1 Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA)	
2.2 Metodologi Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan EPU (PSPEPU)	
2.3 Aktiviti Utama Pembangunan PSPEPU	
BAB 3: PERSEKITARAN PENDIGITALAN SEMASA	23
3.1 Persekitaran Aplikasi	
3.2 Persekitaran Infrastruktur Digital	
3.3 Persekitaran Tadbir Urus dan Pembudayaan Digital	
3.4 Rumusan	
BAB 4: HALA TUJU STRATEGIK PENDIGITALAN EPU	29
4.1 Visi dan Misi Pendigitalan EPU	
4.2 Kerangka Strategik Pendigitalan	
BAB 5: INISIATIF PENDIGITALAN EPU	31
5.1 Teras Strategik Pendigitalan EPU	
5.2 Pemetaan Inisiatif Strategik PSPEPU dengan PSPSA	
5.3 Strategi dan Program Pendigitalan	
BAB 6: PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN	35
BAB 7: PENUTUP	49

PENGHARGAAN	51
-------------	----



# PRAKATA

Pelan Strategik Pendigitalan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri 2021-2025 (PSPEPU) adalah satu pelan strategik pendigitalan yang mengandungi hala tuju dan garis panduan pelaksanaan strategi program pendigitalan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) bagi tempoh lima tahun bermula 2021 sehingga 2025. Dokumen ini mengandungi latar belakang, visi dan misi EPU, kerangka PSPEPU, penjajaran Pelan Strategik Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri 2021-2025 (PSEPU) dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 (PSPSA), hala tuju strategik, pelan tindakan serta pelaksanaan dan pemantauan PSPEPU. PSPEPU juga mengandungi maklumat mengenai petunjuk prestasi dan sasaran dalam tempoh tersebut. Program di bawah PSPEPU dirangka dengan holistik, sistematik dan efektif bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan yang profesional dan dinamik. Sekali gus menyokong hasrat EPU sebagai agensi pusat yang menjadi peneraju perancangan pembangunan sosioekonomi negara.

# Perutusan

## KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI



**DATUK SERI SAIFUL ANUAR LEBAI HUSSEN**

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Pendigitalan Unit Perancang Ekonomi (PSPEPU) bagi tempoh 2021-2025 dapat diterbitkan.

PSPEPU dibangunkan bagi menyahut usaha Kerajaan dalam mentransformasi pemodenan dan pendigitalan perkhidmatan ke arah peningkatan tahap kecekapan penyampaian perkhidmatan awam seperti yang dihasratkan dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025. Pelan ini juga dibangunkan bagi menyokong aspirasi Kerajaan mencapai sasaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 dan *Sustainable Development Goals* 2030 (SDG 2030).

““ Pelan ini juga dibangunkan bagi menyokong aspirasi Kerajaan bagi mencapai sasaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 dan *Sustainable Development Goals* 2030 (SDG 2030)””

PSPEPU menggariskan 4 teras strategik, 12 strategi, 37 program dan 52 sasaran sebagai panduan pelaksanaan agenda pendigitalan EPU selaras dengan transformasi digital sektor awam. Saya amat berharap agar warga EPU dapat memberi komitmen bagi memastikan semua strategi di dalam PSPEPU ini dapat direalisasikan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada pasukan pembangunan PSPEPU yang diterajui oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dan semua warga EPU yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas bantuan, khidmat rundingan dan komitmen yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.

# Perutusan

## KETUA PEGAWAI DIGITAL UNIT PERANCANG EKONOMI



**DATO' NOR AZMIE DIRON**

Timbalan Ketua Pengarah (Makro)  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Peranan teknologi digital makin terserlah semasa berlakunya pandemik wabak COVID-19 yang telah memberi cabaran kepada Kerajaan dalam menguruskan negara. Kerajaan memahami bahawa terdapat banyak peluang yang boleh diraih sekiranya kita menguasai teknologi digital dengan baik. Adalah menjadi tanggungjawab kita dalam mempersiapkan Malaysia untuk menguasai pendigitalan yang berkembang pantas dan seterusnya menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia.

Berpandukan visi "Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital" dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025, Pelan Strategik Pendigitalan EPU, JPM 2021-2025 (PSPEPU) telah disusun agar menjadi pemacu kepada agenda kerajaan digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

“Kerajaan memahami bahawa terdapat banyak peluang yang boleh diraih sekiranya kita menguasai teknologi digital dengan baik.”

Pelan ini menggariskan cadangan hala tuju pelaksanaan pendigitalan di EPU untuk tempoh lima tahun akan datang. Pembangunan PSPEPU ini dilaksanakan berdasarkan keperluan ekosistem pendigitalan yang merangkumi empat teras utama iaitu pemantapan aplikasi, pengukuhan infrastruktur digital, pengukuhan tadbir urus digital dan pemantapan kapasiti organisasi dan pembudayaan digital.

Pelan ini dapat membantu pengurusan EPU merencana dan melaksanakan pelbagai program pendigitalan yang bakal memberi impak positif kepada perkhidmatan EPU dan seterusnya menjadikan pendigitalan sebagai pemacu strategik dalam memperkasakan EPU ke arah kecemerlangan perkhidmatan sesuai dengan visi yang ingin dicapai.

Akhir kata, adalah menjadi impian dan hasrat saya agar komitmen yang tinggi diberikan dalam memastikan Pelan ini dilaksanakan dan dipantau dengan baik mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Bersama-samalah kita menyokong usaha-usaha yang dijalankan dalam pendigitalan EPU dalam tempoh lima tahun ini.

Sekian, terima kasih

# Kata-kata Aluan

## KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT UNIT PERANCANG EKONOMI



**RUHAIMI CHE JUSOH**  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya bersyukur dan berbangga kerana pembangunan PSPEPU ini telah berjaya dihasilkan secara dalaman oleh pegawai Bahagian Pengurusan Maklumat, EPU, JPM dengan bantuan dan kerjasama yang cukup baik daripada semua peringkat pegawai di EPU.


PSPEPU ini akan menjadi satu dokumen rujukan penting dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pendigitalan dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Pelaksanaan PSPEPU ini akan dipantau dari semasa ke semasa dan dikaji semula setiap dua tahun atau mengikut keperluan supaya inisiatif pendigitalan akan terus menjadi pemangkin kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan EPU selaras dengan hasrat kerajaan digital.


Saya bagi pihak Bahagian Pengurusan Maklumat, EPU, JPM ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan pembangunan PSPEPU ini.

“Saya berbangga kerana Pelan ini telah berjaya dihasilkan secara dalaman oleh pegawai Bahagian Pengurusan Maklumat sendiri.”

Akhir kata, semoga PSPEPU ini dapat dijadikan rujukan pembangunan pendigitalan dan mentransformasi EPU ke arah kecemerlangan perkhidmatan digital dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.





BAB 1

# PENGENALAN

# PENGENALAN



## LATAR BELAKANG EPU

**2020**

MEA dibubarkan dan EPU diwujudkan semula sebagai agensi pusat di bawah JPM

**2019**

Wawasan kemakmuran Bersama dilancarkan

**2018**


EPU distruktur menjadi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**2009**


Seksyen Penswastaan dan Pembiayaan Inisiatif Swasta (PFI) telah dipindahkan dari EPU dan menjadi Unit Kerjasama Awam Swasta iaitu satu agensi baharu di bawah JPM

RMKe-11  
2016 - 2020

RMKe-10  
2011 - 2015



Wawasan 2020 dilancarkan





## VISI

Peneraju perancangan pembangunan sosioekonomi Malaysia yang progresif, mampan dan inklusif



## MISI

Merancang, melaksana dan mengawal selia pembangunan sosioekonomi Malaysia secara strategik, inovatif dan proaktif ke arah kemakmuran bersama



## OBJEKTIF

- Merancang pembangunan sosioekonomi secara komprehensif ke arah pertumbuhan mampan dan inklusif
- Mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan melalui pengagihan peruntukan secara berkesan
- Memantapkan pemantauan dan penilaian dasar, program serta projek pembangunan berasaskan *outcome*
- Meningkatkan kecekapan sebagai pemudah cara dengan pihak berkepentingan
- Memantapkan kapasiti dan kebolehan organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkesan

## FUNGSI DAN PERANAN EPU

# 1

### Perancangan Pembangunan Sosioekonomi

- Menggubal dasar perancangan pembangunan sosioekonomi untuk jangka masa sederhana dan panjang pada peringkat nasional, wilayah dan negeri
- Menjalankan penyelidikan sosioekonomi dan berperanan sebagai penasihat kepada Kerajaan berhubung hal ehwal sosioekonomi
- Memperkukuh perancangan pembangunan inklusif termasuk memperkasa agenda Bumiputera
- Menggubal dasar berkaitan tenaga, iaitu minyak dan gas

# 2

### Pengagihan Sumber Peruntukan

- Menentukan siling dan pengagihan peruntukan perbelanjaan pembangunan
- Melaksanakan pengurusan nilai bagi projek pembangunan melebihi RM50 juta

## PROFESIONAL



EFISIEN  
DAN  
EFEKTIF

UTUH  
DAN  
UNGGUL





### 3 Pelaksanaan, Penyelarasan dan Pemantauan

- Memantau kemajuan program nasional, inisiatif dan projek pembangunan
- Melaksana, menyelaras dan memantau program serta projek EPU
- Melaksana, menyelaras dan memantau pembangunan inklusif, termasuk memperkasa agenda Bumiputera dan membasmi kemiskinan

### 4 Pemudah cara Pihak Berkepentingan

- Menjadi *focal point* bagi kerjasama antarabangsa dan pembangunan rentas sempadan
- Menjadi urus setia kepada jawatankuasa perancangan dan pembangunan sosioekonomi peringkat nasional termasuk Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) dan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN), dan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara.



### PUNCA KUASA

- Mesyuarat Jemaah Menteri 16 Jun 1960
- Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969
- Akta Kemajuan Petroleum 1974
- Akta Bekalan Gas (Pindaan 2016)
- Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990
- Arahan Perbendaharaan (Perkara 43-47)

**WARGA EPU AKAN SENTIASA BERPEGANG TEGUH KEPADA KOD ETIKA DAN NILAI BERSAMA.**

CEPAT & TEPAT

1



INOVATIF

3



PROAKTIF

5



PROFESIONAL

7



KERJA BERPASUKAN

2



KOMITED

4





INTEGRITI


6


# CARTA ORGANISASI

PENGARAH EKSEKUTIF  
MAJLIS TINDAKAN  
EKONOMI









BAB 2

**PEMBANGUNAN  
PELAN  
STRATEGIK  
PENDIGITALAN  
EPU**

# PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN EPU (PSPEPU)

## 2.1 Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam

Kerajaan telah melancarkan PSPSA yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk tempoh lima tahun. PSPSA merupakan panduan kepada agensi sektor awam bagi memacu transformasi digital sektor awam untuk menyokong agenda Kerajaan Digital yang mampan membentuk masyarakat digital. Agensi sektor awam perlu menjadikan PSPSA sebagai rujukan bagi penyediaan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) agensi yang menyokong agenda Kerajaan Digital yang mampan. PSP agensi hendaklah mengandungi hala tuju dan rangka kerja digital agensi tersebut bagi tempoh yang dinyatakan. PSP ini akan dijadikan rujukan dalam pelaksanaan inisiatif digital bagi mencapai visi, misi dan objektif agensi. PSPEPU merupakan satu rangka tindakan yang mengandungi hala tuju dan garis panduan pelaksanaan program digital bagi tempoh lima tahun bermula pada tahun 2021 sehingga 2025. Tempoh ini telah ditetapkan sejajar dengan PSPSA dan PSEPU serta mengambil kira perubahan teknologi digital yang pantas, memenuhi keperluan pihak berkepentingan dan pengguna yang cepat berubah.

## 2.2 Metodologi Pembangunan PSPEPU

PSPEPU ini telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) melalui tiga fasa pembangunan dengan menggunakan metodologi Analisa, Strategi dan Formulasi (ASF). Tujuannya adalah bagi mengenalpasti keperluan EPU dan seterusnya menetapkan visi, misi dan teras strategik pendigitalan serta penghasilan inisiatif pelan tindakan pendigitalan EPU bagi tempoh lima tahun. Fasa metodologi pembangunan pelan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1.


Rajah 2.1:  
Metodologi ASF




**2.3**  
**Aktiviti Utama**  
**Pembangunan**  
**PSPEPU**

Aktiviti utama dalam pembangunan PSPEPU adalah seperti berikut:









BAB 3

# PERSEKITARAN PENDIGITALAN SEMASA EPU

# PERSEKITARAN PENDIGITALAN SEMASA

Persekitaran pendigitalan semasa EPU meliputi tiga bidang utama iaitu:



## APLIKASI

- Sistem
- Laman web/ Portal
- Pangkalan data



## INFRASTRUKTUR

- Peralatan
- Rangkaian
- Pusat data
- Keselamatan ICT



## TADBIR URUS DAN PEMBUDAYAAN


- Pemantauan (jawatankuasa)
- Pematuhan (dasar)
- Pembudayaan (latihan dan pembangunan modal insan)
- Pengiktirafan

### 3.1 Persekitaran Aplikasi

Aplikasi digital yang digunakan di EPU bagi menyokong tugas serta penyampaian perkhidmatan dibahagikan kepada empat kategori seperti berikut:

- i. Aplikasi Generik
- ii. Aplikasi Spesifik/ *Dashboard*
- iii. Portal/Laman Web
- iv. Sistem Inisiatif Kerajaan Digital

Aplikasi Generik, Aplikasi Spesifik/ *Dashboard* dan Portal/ Laman Web dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dan ada juga melalui usaha sama pihak pembekal. Aplikasi di bawah Inisiatif Kerajaan Digital adalah dibangunkan oleh kementerian/ agensi kerajaan yang lain dan diterima pakai oleh EPU.



Secara keseluruhannya, aplikasi-aplikasi tersebut telah berusia melebihi lima tahun. Pun begitu, penambahbaikan berterusan ke atas sistem dan aplikasi tersebut adalah perlu selaras dengan perkembangan teknologi terkini, perubahan keperluan di peringkat pengguna, menepati ciri-ciri keselamatan, kebolehpercayaan dan prestasi aplikasi serta pangkalan data untuk terus kekal relevan.

Terdapat juga aplikasi yang dibangunkan oleh agensi lain yang digunakan oleh EPU untuk melaksanakan fungsi-fungsi EPU seperti MyProjek, iGFMAS, Sistem MyResult dan lain-lain. Walau bagaimana pun sebahagian fungsi aplikasi tersebut tidak dapat memenuhi keperluan tugas pengguna di EPU. Oleh itu, terdapat keperluan aplikasi baharu untuk memenuhi keperluan pengguna EPU serta memastikan perkhidmatan-perkhidmatan EPU kepada pelanggan dan pemegang taruh (*stakeholder*) dapat dicapai secara digital sepenuhnya.

### 3.2 Persekitaran Infrastruktur Digital

Bagi menyokong keperluan bisnes teras dan pembangunan aplikasi, peralatan digital pengguna, pusat data dan rangkaian perlu diberikan perhatian yang sewajarnya selaras dengan perkembangan teknologi terkini agar keselamatan maklumat sentiasa terjamin.

Berikut merupakan jumlah peralatan digital semasa EPU mengikut kategori:

Kategori	Peralatan Digital	Jumlah Semasa	Usia (>5 tahun)
Pengguna	Komputer Desktop	680	101
	Komputer Riba	153	86
	Komputer Tablet	36	0
	Pencetak	331	231
	Pengimbas	28	28
	Projektor	93	62
<b>JUMLAH</b>		<b>1321</b>	<b>508 (39%)</b>

Jadual 3.1: Jumlah dan Usia Peralatan Digital Pengguna di EPU

Berdasarkan Jadual 3.1, hampir 40% peralatan digital yang dibekal kepada pengguna di EPU telah berusia melebihi lima tahun. Peralatan digital yang berusia melebihi lima tahun, kerap mengalami kerosakan di samping kesukaran untuk mendapatkan alat ganti dan tidak ekonomik untuk dibaiki serta diselenggara. Peralatan lama *obsolete* juga tidak akan dapat menyokong sistem dan aplikasi terkini. Keadaan ini secara tidak langsung akan mengurangkan tahap produktiviti dan juga meningkatkan risiko ancaman keselamatan.

Kategori	Peralatan Digital	Jumlah Semasa	Usia (>5 tahun)
Pusat Data	Server	7	7
	Tape Library System	1	1
	Storage Server	6	6
	NAS Storage	2	2
	SAN Storage	4	4
	Backup Appliance	2	2
	SAN Switch	4	4
<b>JUMLAH</b>		<b>26</b>	<b>26 (100%)</b>

Jadual 3.2: Jumlah dan Usia Peralatan Digital Pusat Data di EPU

Manakala Jadual 3.2 menunjukkan bahawa keseluruhan usia perkakasan di Pusat Data sudah melebihi usia guna lapan tahun dan tidak mampu untuk menampung keperluan semasa dan pada masa akan datang. Pemulihan perkhidmatan akan mengambil masa yang lama sekiranya berlaku *downtime* atau insiden yang tidak diingini.

Kategori	Peralatan Digital	Jumlah Semasa	Usia (>5 tahun)
Rangkaian dan Keselamatan	Firewall	1	0
	Web Application Firewall	1	0
<b>JUMLAH</b>		<b>2</b>	<b>0 (0%)</b>

Jadual 3.3: Jumlah dan Usia Peralatan Digital Rangkaian dan Keselamatan di EPU

Sementara itu, peralatan rangkaian seperti di jadual 3.3 masih berada di dalam keadaan baik kerana usia guna yang belum melebihi lima tahun. Namun demikian, peralatan tersebut perlu diberi perhatian yang rapi kerana kebiasaannya peralatan dalam kategori ini tidak akan disokong dari segi pengemaskinian perisian atau *patch update* apabila *end of support* (EOS) dan *end of life* (EOL).

Secara keseluruhan, infrastruktur dan keselamatan digital sedia ada di EPU perlu diperkukuh dan dinaiktaraf bagi memantapkan keselamatan rangkaian dan kemudahan digital, meningkatkan tahap ketersediaan infrastruktur digital dan menambahbaik prestasi serta kualiti perkhidmatan.

### 3.3 Persekitaran Tadbir Urus dan Pembudayaan Digital

#### 3.3.1 Tadbir Urus

Semua projek dan inisiatif pendigitalan yang dilaksanakan diuruskan melalui tadbir urus yang berkuatkuasa berdasarkan arahan semasa. Tadbir urus yang baik memainkan peranan penting bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan inisiatif dan program pendigitalan di EPU. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan pendigitalan EPU, pengukuhan dan penambahbaikan sistem tadbir urus berkaitan digital perlu dinilai semula. Oleh itu beberapa jawatan kuasa berkaitan pendigitalan di EPU perlu diperkukuh peranan dan tanggungjawabnya bagi memandu, memantau dan menyelaras projek pendigitalan secara berkesan. Struktur tadbir digital semasa di EPU adalah seperti berikut:

- Jawatan Kuasa Pemandu ICT (JPICT)
- Jawatan Kuasa Teknikal ICT (JTICT)
- Jawatan Kuasa Kerja Pengurusan Laman Web (JKPLW)
- Pasukan Tadbir Urus Kandungan Laman Web (PTKLW)
- Jawatan Kuasa Teknikal Laman Web (JTLW)
- Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Digital (CERT)
- Jawatan Kuasa IPv6

### 3.3.2

#### Pembudayaan Digital

Kapasiti organisasi dan pembudayaan digital diukur dengan melihat kepuasan pengguna terhadap kemudahan digital, pengurusan perubahan digital, kapasiti organisasi semasa, amalan pembudayaan digital dan kompetensi warga EPU. Tahap kesedaran pengguna yang rendah, kekangan kos dan kekurangan modal insan akan melambatkan proses pendigitalan di agensi.


Ketiadaan pelan latihan digital yang komprehensif juga memberi kesan kepada pembangunan kompetensi pegawai. Ketiadaan profil dan penilaian tahap kemahiran ICT Pegawai menjadikan lebih sukar mengenalpasti pegawai yang sesuai bagi sesuatu tugas. Memandangkan perisian dan perkakasan ICT di pasaran berkembang mengikut trend semasa, EPU memerlukan kepakaran tenaga luar untuk memberi latihan. EPU juga kekurangan tenaga pengajar dalaman yang mahir untuk tujuan melatih pegawai berkaitan inisiatif digital.

### 3.4 Rumusan

Berdasarkan analisa persekitaran bisnes semasa EPU, terdapat keperluan untuk pengukuhan dan pementapan perkhidmatan pendigitalan dari segi sistem dan aplikasi, infrastruktur, tadbir urus serta penerapan budaya pendigitalan. Strategi dan tumpuan akan diberi untuk membangun dan memantapkan sistem dan aplikasi secara bersepadu dan berkesan bagi memenuhi keperluan tugas spesifik dan lain-lain yang diperlukan oleh pengguna di EPU.

Peralatan digital akan diganti dan diperkukuhkan bagi memastikan peralatan adalah terkini dari segi teknologi dan keselamatan yang akan membantu meningkatkan produktiviti kerja di EPU. Tadbir urus digital perlu diperkemaskan berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk memastikan pengurusan inisiatif pendigitalan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berimpak tinggi.

Berdasarkan kepada kapasiti organisasi dan budaya pendigitalan semasa EPU, terdapat keperluan untuk meningkatkan tahap kompetensi dan amalan pendigitalan dalam kalangan warga kerja EPU. Strategi dan tumpuan akan diberi untuk pembentukan modal insan yang kompeten, berbudaya digital dan peningkatan nilai bersama dalam kalangan warga kerja EPU melalui pengurusan perubahan pendigitalan.



BAB 4

# HALA TUJU STRATEGIK PENDIGITALAN EPU

# HALA TUJU STRATEGIK PENDIGITALAN EPU

**4.1** Visi dan Misi Pendigitalan yang telah dirangka bagi merealisasikan PSP EPU adalah seperti berikut:  
**Visi dan Misi Pendigitalan EPU**



## VISI


Penyampaian perkhidmatan digital yang bersepadu dan inklusif ke arah Kerajaan Digital Mampan




## MISI

Memperkasakan dan mengoptimumkan perkhidmatan ICT secara holistik ke arah pendigitalan perkhidmatan pembangunan sosioekonomi Malaysia

## 4.2 Kerangka Strategik Pendigitalan







BAB 5

# INISIATIF PENDIGITALAN EPU

# INISIATIF PENDIGITALAN EPU

## 5.1 Teras Strategik Pendigitalan EPU

Berdasarkan analisa yang dijalankan ke atas aplikasi, infrastruktur dan keselamatan digital serta organisasi termasuk pembudayaan pendigitalan mendapati terdapat pelbagai peluang dan inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan perkhidmatan pendigitalan di EPU. Pengukuhan dan pemantapan perkhidmatan pendigitalan dari segi infrastruktur rangkaian, peralatan digital, sistem dan aplikasi, tadbir urus digital dan penerapan budaya pendigitalan menjadi pemangkin kepada EPU dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik. Oleh itu empat Teras Strategik Pendigitalan telah dibangunkan seperti Jadual 5.1 di bawah:

### Teras Strategik Pendigitalan EPU

Teras Strategik 1 (TS1)	Pembangunan dan pemantapan aplikasi secara bersepadu dan berkesan
Teras Strategik 2 (TS2)	Pengukuhan infrastruktur digital yang tersedia dan terjamin
Teras Strategik 3 (TS3)	Pengukuhan tadbir urus digital
Teras Strategik 4 (TS4)	Pemantapan kapasiti organisasi dan budaya digital dalam melestarikan penyampaian perkhidmatan.

Jadual 5.1: Teras Strategik Pendigitalan EPU

## 5.2 Pemetaan Inisiatif Strategik PSPEPU dengan PSPSA

Teras Strategik Pendigitalan EPU yang dihasilkan adalah selaras dengan Teras Strategik PSPSA yang memberi fokus kepada kelangsungan Kerajaan Digital Mampan melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang inklusif kepada semua golongan masyarakat daripada pelbagai kumpulan sasar di pelbagai geolokasi. Penjajaran PSPEPU dengan PSPSA ditunjukkan di Jadual 5.2.

### Teras Strategik Pelan Pendigitalan Sektor Awam

Teras Strategik 1 Pemanfaatan  
kepintaran data

### Teras Strategik Pendigitalan EPU

Teras Strategik 1 Pembangunan dan  
pemantapan aplikasi secara bersepadu dan  
berkesan.

Teras Strategik 3 Pengukuhan tadbir urus  
digital.

**Teras Strategik Pelan Pendigitalan Sektor Awam**

**Teras Strategik 2** Peneraju perkhidmatan digital, inklusif dan bersepadu

**Teras Strategik 3** Tadbir urus tuntas dan tangkas

**Teras Strategik 4** Pemerksaan dan penyegaran modal insan

**Teras Strategik 5** Pengoptimuman nilai perkhidmatan guna sama yang selamat

**Teras Strategik 6** Penjenamaan, perluasan, promosi dan pembudayaan

**Teras Strategik 7** Adaptasi kemunculan teknologi baharu yang relevan

**Teras Strategik Pendigitalan EPU**

**Teras Strategik 1** Pembangunan dan pemantapan aplikasi secara bersepadu dan berkesan.

**Teras Strategik 2** Pengukuhan infrastruktur digital yang tersedia dan terjamin.

**Teras Strategik 3** Pengukuhan tadbir urus digital.

**Teras Strategik 3** Pengukuhan tadbir urus digital.

**Teras Strategik 4** Pemantapan kapasiti organisasi dan budaya digital dalam melestarikan penyampaian perkhidmatan.

**Teras Strategik 1** Pembangunan dan pemantapan aplikasi secara bersepadu dan berkesan.

**Teras Strategik 2** Pengukuhan infrastruktur digital yang tersedia dan terjamin.

Jadual 5.2: Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan EPU dengan Teras Strategik Pendigitalan Sektor Awam

**5.3 Strategi Dan Program Pendigitalan**


Strategi dan program pendigitalan diwujudkan bagi menyokong empat teras strategik pendigitalan EPU. Ringkasan strategi bagi setiap teras strategik adalah seperti di Jadual 5.3 manakala Jadual 5.4 hingga Jadual 5.7 menunjukkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang bagi mencapai Visi dan Misi Pendigitalan EPU.



TERAS STRATEGIK 1	TERAS STRATEGIK 2	TERAS STRATEGIK 3	TERAS STRATEGIK 4
Pembangunan dan pemantapan aplikasi secara bersepadu dan berkesan	Pengukuhan infrastruktur digital yang tersedia dan terjamin	Pengukuhan tadbir urus digital	Pemantapan kapasiti organisasi dan budaya digital dalam melestarikan penyampaian perkhidmatan
3 Strategi	3 Strategi	3 Strategi	3 Strategi
10 Program	13 Program	8 Program	6 Program
12 Sasaran	19 Sasaran	11 Sasaran	10 Sasaran

Jadual 5.3: Ringkasan Teras Strategik, Strategi dan Program Pendigitalan EPU

TERAS STRATEGIK 1	TERAS STRATEGIK 2	TERAS STRATEGIK 3	TERAS STRATEGIK 4
Pembangunan dan pemantapan aplikasi secara bersepadu dan berkesan	Pengukuhan infrastruktur digital yang tersedia dan terjamin	Pengukuhan tadbir urus digital	Pemantapan kapasiti organisasi dan budaya digital dalam melestarikan penyampaian perkhidmatan
<p><b>Strategi 1</b> Pembangunan aplikasi versi baharu yang menepati keperluan dan berimpak tinggi</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 2</b> Pembangunan pangkalan data dan pemantapan pengurusan maklumat</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 3</b> Pengukuhan dan pengintegrasian aplikasi yang berpotensi</p>	<p><b>Strategi 1</b> Pemantapan infrastruktur digital</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 2</b> Pengukuhan tahap ketersediaan infrastruktur digital</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 3</b> Peningkatan prestasi dan kualiti perkhidmatan</p>	<p><b>Strategi 1</b> Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 2</b> Pengukuhan dasar, polisi dan prosedur digital</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 3</b> Pengukuhan struktur organisasi digital</p>	<p><b>Strategi 1</b> Pembentukan modal insan yang kompeten berteraskan digital</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 2</b> Pembudayaan digital dan peningkatan perkongsian nilai dalam kalangan warga EPU</p> <p>-----</p> <p><b>Strategi 3</b> Pengurusan perubahan digital</p>



BAB 6

# PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN

# PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN

Berdasarkan 12 strategi, 37 program dan 52 sasaran pendigitalan yang telah dikenal pasti dalam PSPEPU, pelan tindakan dan pelan pelaksanaan bagi setiap teras strategik, inisiatif dan program mengikut tahun pelaksanaan dan peneraju program adalah seperti berikut:

## TERAS STRATEGIK 1:

### Pembangunan dan Pemantapan Aplikasi Secara Bersepadu dan Inklusif

PROGRAM	AKTIVITI
<b>S1: Pembangunan aplikasi versi baharu yang menepati keperluan dan berimpak tinggi</b>	
P1: Pembangunan sistem menguruskan permohonan perbelanjaan pembangunan	Membangunkan sistem menguruskan permohonan perbelanjaan pembangunan
P2: Pemantapan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN 2.0)	Menjalankan kajian dan peningkatan taraf SPKPN
P3: Pemantapan <i>Online Researcher Information DataBase</i> (OriDB)	Menjalankan peningkatan taraf OriDB
P4: Pembangunan Sistem Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Membangunkan satu sistem baharu
P5: Pembangunan perkhidmatan aplikasi mudah alih ( <i>Mobile Application</i> )	Membangunkan satu aplikasi mudah alih
<b>S2: Pembangunan pangkalan data dan pemantapan pengurusan maklumat</b>	
P1: Pengukuhan aplikasi sedia ada	Menyelenggara dan mengemas kini modul sedia ada
P2: Pengukuhan Laman Web/Portal sedia ada	Mengukuh dan mengemas kini laman web/ portal
P3: Portal Rasmi EPU	Mengukuh dan mengemas kini Portal EPU

INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PENERAJU PROGRAM
Aplikasi	1 Aplikasi baharu	2021-2022	BBP, BPM
Aplikasi	SPKPN 2.0	2021-2023	BPW, BPM
Aplikasi	ORIDb 2.0	2021-2022	BEM, BPM
Aplikasi	1 sistem MBJ	2021-2022	MBJ, BPM
Aplikasi mudah alih	1 aplikasi mudah alih setahun	2023-2025	BPM, Bahagian berkenaan
Bilangan aplikasi	18 aplikasi	2021-2025	BPM
Bilangan portal	9 portal	2021-2025	BPM
Peratusan berdasarkan penilaian sistem SPLaSK	90 – 95% (2021 -2022) 96 – 100% (2023 - 2025)	2021-2025	BPM

## TERAS STRATEGIK 1: Pembangunan dan Pemantapan Aplikasi Secara Bersepadu dan Inklusif

PROGRAM

AKTIVITI

### S3: Pengukuhan dan pengintegrasian aplikasi yang berpotensi

**P1: Pembangunan EPU *Management and Analytics Information System* (eMAS)**

Mengkaji dan membangun eMAS baharu (eMAS 2.0).

**P2: Penguatkuasaan penggunaan dan pelaksanaan Aplikasi Inisiatif Kerajaan Digital.**

Menyokong pelaksanaan Aplikasi Inisiatif Kerajaan Digital di EPU.



INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PENERAJU PROGRAM
1 aplikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan kajian platform sedia ada bagi kesinambungan dashboard eMAS</li> <li>• Pembangunan eMAS 2.0</li> <li>• Pelaksanaan eMAS 2.0</li> </ul>	2021 2022 2023 - 2025	BPM, Bahagian berkenaan
Bilangan aplikasi	Bergantung kepada penguatkuasaan pelaksanaan aplikasi Kerajaan Digital	2021-2025	Semua Bahagian

## TERAS STRATEGIK 2: Pengukuhan Infrastruktur Digital Yang Tersedia dan Terjamin

PROGRAM	AKTIVITI
<b>S1: Pemantapan infrastruktur digital</b>	
P1: Pemantapan peralatan keselamatan ICT	Mengkaji semula dan perolehan peralatan keselamatan baharu.
P2: Pemantapan peralatan rangkaian ICT	Mengkaji semula dan perolehan peralatan rangkaian baharu.
P3: Pemantapan Prasarana dan Kemudahan ICT	Mengkaji semula dan perolehan peralatan prasarana dan kemudahan digital.
P4: Pemantapan Pusat Data	Mengkaji semula dan perolehan peralatan Pusat Data.

### S2: Pengukuhan tahap ketersediaan infrastruktur digital

P1: Pengukuhan peralatan keselamatan ICT	Menyelenggara peralatan keselamatan digital secara berkala.
P2: Pengukuhan peralatan rangkaian ICT	Menyelenggara peralatan rangkaian digital secara berkala.
P3: Pengukuhan Prasarana dan Kemudahan ICT	Menyelenggara prasarana dan kemudahan digital secara berkala.

INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PENERAJU PROGRAM
Tarikh luput peralatan	Memperbaharui lesen peralatan keselamatan	2023 - 2025	BPM
% <i>connectivity</i>	<i>Connectivity</i> pada kadar 100%	2024 – 2025	BPM
Bilangan prasarana ICT yang melebihi 5 tahun dan/atau tidak ekonomik untuk dibaiki	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 114 unit</li> <li>• 150 unit</li> <li>• 138 unit</li> <li>• 142 unit</li> <li>• 202 unit</li> </ul>	2021 2022 2023 2024 2025	Semua Bahagian
Bilangan peralatan Pusat Data yang melebihi 8 tahun dan/atau tidak ekonomik untuk dibaiki	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Server</i> dan <i>Storage</i>,</li> <li>• <i>Backup System</i></li> </ul>	2022/2023 2023/2024	BPM
Bilangan penyelenggaraan pencegahan (PM) perisian dan perkakasan keselamatan	Minimum 2 kali PM setahun bagi perisian <i>antivirus</i> , <i>firewall</i> dan <i>Web Application Firewall</i> (WAF)	2021 - 2025	BPM
Bilangan PM perisian dan perkakasan rangkaian	Minimum 2 kali PM setahun bagi <i>Switch</i> , <i>hub</i> , <i>Access Point</i> (AP), kabel dan <i>Network Management System</i> (NMS)	2021 - 2025	BPM
Bilangan PM prasarana dan kemudahan ICT di EPU	Minimum 2 kali PM setahun bagi PC, pencetak, akaun emel, projektor dan	2021 – 2025	BPM

## TERAS STRATEGIK 2: Pengukuhan Infrastruktur Digital Yang Tersedia dan Terjamin

PROGRAM	AKTIVITI
P4: Pengukuhan Pusat Data	Menyelenggara peralatan Pusat Data secara berkala.
P5: Perkhidmatan pusat pemulihan bencana	Membuat semakan semula dan pengemaskinian ke atas dokumen <i>Disaster Recovery Plan</i> (DRP).
P6: Pelaksanaan Simulasi <i>Disaster Recovery Plan</i> (DRP)	Membuat simulasi berdasarkan <i>Disaster Recovery Plan</i> (DRP).
<b>S3: Peningkatan prestasi dan kualiti perkhidmatan</b>	
P1: Pelaksanaan <i>Big Mail Transfer</i> (BMT)	Memastikan perkhidmatan BMT tersedia bagi tempoh kontrak 2020-2023. Menjalankan kajian keperluan selepas tempoh kontrak tamat.
P2: Perkhidmatan Inisiatif Kerajaan Digital	Menyediakan kemudahan bagi pelaksanaan perkhidmatan Inisiatif Kerajaan Digital di EPU.
P3: Peningkatan kualiti dan keselamatan dalam penyampaian perkhidmatan	Melaksanakan penilaian keselamatan siber melalui <i>Security Posture Assessment</i> (SPA)

INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PENERAJU PROGRAM
	perisian guna sama seperti MS Office dan Adobe		
Bilangan PM pusat data	Minimum 2 kali PM setahun	2021 – 2025	BPM
Bilangan semakan dokumen DRP	Dokumen DRP yang dikemaskini setiap tahun	2021 - 2025	BPM
Bilangan simulasi	1 simulasi setahun	2021 - 2025	BKPK, BPM
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratus prestasi BMT beroperasi</li> <li>• Dokumen kajian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• BMT beroperasi pada tahap 100%</li> <li>• 1 kajian keperluan selepas tamat tempoh kontrak</li> </ul>	2021-2023 2023	BPM
Bilangan inisiatif	Peralatan rangkaian dan keselamatan serta prasarana ICT beroperasi dengan lancar	2021-2025	BPM
Bilangan penilaian	1 kali setahun	2022 - 2025	BPM

## TERAS STRATEGIK 3: Pengukuhan Tadbir Urus Digital

PROGRAM

AKTIVITI

### S1: Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan

P1: Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan EPU (PSPEPU) 2021-2025	Menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan
P2: Pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan EPU (PSPEPU) 2021-2025	Memantau program/ aktiviti PSPEPU
P3: Penilaian PSPEPU 2021-2025	Menyemak semula ( <i>Mid Term Review</i> ) PSPEPU 2021-2025
P4: Pembangunan PSPEPU 2026-2030	Membangunkan PSP EPU 2026-2030.

### S2: Pengukuhan dasar, polisi dan prosedur digital

P1: Pemantapan Dasar Keselamatan Siber (DKS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyemak semula DKSEPU</li> <li>• Melaksanakan aktiviti dalam DKSEPU</li> </ul>
P2: Pemantapan <i>Standard Operating Prosedur</i> (SOP)	Melaksana/ Memantau/ Menguatkuasa aktiviti pembangunan SOP baharu

### S3: Pengukuhan struktur organisasi digital

P1: Penyusunan semula tadbir urus digital	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melantik dan memperkasa peranan <i>Chief Digital Officer</i> (CDO) EPU</li> <li>• Melantik Pemacu Digital EPU</li> <li>• Melantik JK Pemandu Projek</li> </ul>
P2: Pelaksanaan Projek Pendigitalan	Melaksana dan memantau projek mengikut surat pekeliling/ peraturan/ dasar yang sedang berkuatkuasa

INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PENERAJU PROGRAM
1 dokumen	Dokumen PSPEPU	2020-2021	BPM
Peratus pelaksanaan program	Melebihi 90% pelaksanaan mengikut tahun	2021-2025	BPM
1 dokumen PSP	Dokumen PSP yang dikemaskini	2023	BPM
1 dokumen	Dokumen PSPEPU 2026-2030	2025	BPM
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan dokumen</li> <li>• Bilangan aktiviti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 dokumen DKSEPU</li> <li>• 2 kali setahun Taklimat kesedaran keselamatan ICT, hebahan melalui emel setiap bulan</li> </ul>	2022-2025	BPM
Dokumen SOP	1 dokumen setahun	2021-2025	BPM
Memo kelulusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memo pelantikan CDO</li> <li>• Memo pelantikan Pemacu Digital EPU</li> <li>• Memo pelantikan JK Pemandu Projek</li> </ul>	2022-2025	BPM
Bilangan laporan	1 laporan	2021-2025	BPM

## TERAS STRATEGIK 4: Memantapkan Kapasiti Organisasi dan Pembudayaan Digital dalam Melestarikan Penyampaian Perkhidmatan

PROGRAM

AKTIVITI

### S1: Pembentukan modal insan yang kompeten berteraskan digital

P1: Pembangunan Pelan Operasi Latihan (POL) Digital	Membangunkan pelan latihan untuk meningkatkan kompetensi teras Pegawai Teknologi Maklumat
P2: Pelaksanaan program latihan	Melaksanakan latihan mengikut POL
P3: Program pengiktirafan pensijilan pendigitalan	Menggalakkan pegawai EPU mendapatkan pengiktirafan/pensijilan daripada badan profesional dalam bidang digital

### S2: Pembudayaan digital dan peningkatan perkongsian nilai dalam kalangan warga EPU


P1: Pembudayaan pendigitalan dan kesedaran keselamatan siber	Melaksanakan program seminar, poster hebahan, kursus dan lawatan berkaitan digital
P2: Pembudayaan perkongsian kepakaran melalui kolaborasi	Mewujudkan perkongsian kepakaran dan inovasi melalui kerjasama dengan agensi, kementerian dan pihak industri


### S3: Pengurusan perubahan digital

P1: Pelaksanaan program pengurusan perubahan	Melaksanakan program pengurusan perubahan dalam menjayakan perkhidmatan digital di EPU
--	--



INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PENERAJU PROGRAM
Pelan Latihan	1 Pelan Latihan setiap tahun	2021-2025	BSM, BPM
Bilangan latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 latihan Sistem Automasi Pejabat</li> <li>• 2 latihan perkhidmatan Inisiatif Kerajaan Digital</li> <li>• 1 latihan Kesedaran Keselamatan Siber</li> </ul>	2021-2025	BSM, BPM
Bilangan sijil	1 sijil setahun	2021-2025	BSM, BPM
Bilangan program	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 seminar setahun</li> <li>• 1 poster sebulan</li> <li>• Kursus dan lawatan mengikut kesesuaian</li> </ul>	2022-2025	BSM, BPM
Bilangan kolaborasi	Mengikut keperluan	2021-2025	BPM
Bilangan program	1 program setahun	2021-2025	BPM





BAB 7

# PENUTUP

# PENUTUP

PSPEPU merupakan dokumen pelan induk perancangan program pendigitalan EPU secara menyeluruh bagi tempoh lima tahun bermula pada 2021 sehingga 2025. Intipati Pelan ini ialah untuk membantu peneraju program merancang dan mengambil tindakan membangun dan memantapkan infrastruktur digital, memperkukuh tadbir urus digital dan memantapkan kapasiti organisasi serta pembudayaan digital dalam melestarikan penyampaian perkhidmatan. Melalui program-program yang telah dirancang diharap dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan digital EPU yang bersepadu dan inklusif serta menyokong ke arah Kerajaan Digital mampan.

PSPEPU akan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan dapat mencapai visi dan misi pendigitalan EPU dan PSPSA.

# PENGHARGAAN

EPU merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak khususnya kepada:

YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di JPM (Ekonomi)

Datuk Seri Saiful Anuar bin Lebai Hussien, Ketua Pengarah EPU

Datuk Dr. Zunika binti Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Dato' Nor Azmie bin Diron, Timbalan Ketua Pengarah (Makro)

Datuk Yatimah binti Sarjiman, Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT EPU

Ahli Mesyuarat Pengurusan EPU



# PASUKAN SEKRETARIAT

En. Ruhaimi bin Che Jusoh

Pn. Hartini binti Abdul Halim

En. Khairul Azmin bin Othman

En. Ahmad Shamsuddin Amat Shukor

En. Azmi bin Mat Yasin

Pn. Fa'iza Hilmi binti Aziz

Pn. Nurliyana binti Abd Malek

Pn. Siti Jasmin binti Sheikh Mustafar

En. Khairul Asrah bin Rahman

En. Mohamad Amirul Afiq bin Abu Yazid

Pn. Nur Iva binti Abdul Patah

En. Faiz Meor bin Othman

En. Raja Muhamad Nor Syafiq bin Raja Sazali

Pn. Siti Haleeda binti Onn

Cik Anis Hanani binti Azman

Pn. Fauziah binti Othman

Pn. Nor Sa'adah binti Jasimin

Pn. Hatifah binti Sahari

Pn. Noraini binti Talib

Pn. Nurain binti Abd Halim

En. Mohamad Safie bin Misri

En. Muhammad Noraizam bin Ismail

Pn. Rozeihan binti Hj Razalli

Pn. Noraidah binti Osman

En. Mohd Farid bin Md Ali

En. Khairul Anwar bin Ibrahim

En. Mohd Firdaus Akmal bin Anuar

En. Dzainuddin Nor Is bin Hitam



# JAWATANKUASA EDITORIAL


En. Boniface ak Edwin Manung  
Pn. Raudatil Jannah binti Abdul Wahab  
Pn. Es Zemila binti Abdullah  
Cik Genevieve Clarinda Joanis  
En. Dominic Fernandez  
Pn. Fa'iza Hilmi binti Aziz  
En. Khairul Asrah bin Rahman



# PESERTA BENGKEL PEMURNIAN PSPEPU

Pn. Es Zemila binti Abdullah  
En. Muhammad Jawad bin Tajuddin  
Pn. Maniza binti Mahfuz  
Pn. Hartini binti Abdul Halim  
En. Khairul Azmin bin Othman  
En. Mohd Bakti bin Mohd Sahid  
En. Kamil bin Muhammad  
Pn. Fa'iza Hilmi binti Aziz  
En. Ahmad Shamsuddin bin Amat Shukor





**Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri**

Menara Prisma  
No. 26, Persiaran Perdana Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya



| <https://www.epu.gov.my>